



Bersama
SALIHIN ABANG
CA (M), CFP, ATII, B.ACC (IUM)
Asna Tax Services Sdn Bhd
www.salihin.com.my



APAKAH PENDAPATAN DAN MANFAAT YANG ANDA TERIMA BERCUKAI?

KWSP baru-baru ini telah mengumumkan pemberian dividen sebanyak 5.65 peratus kepada pencarumnya berdasarkan perolehan pendapatan tertinggi pernah kumpulan itu capai iaitu sebanyak RM19.63 bilion.

Persoalannya adakah dividen tersebut dikenakan cukai di tangan penerima dividen? Ruang ini akan membicarakan tentang pendapatan individu yang tertakluk di bawah Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967.

Secara umumnya, terdapat lima kategori pendapatan dan manfaat yang diterima dan dinikmati oleh pekerja dalam melaksanakan pekerjaannya. Kategori pendapatan atau manfaat tersebut adalah:

- Pendapatan boleh ditukar kepada wang ringgit;
- Pendapatan atau manfaat tidak boleh ditukar kepada wang ringgit ataupun mempunyai nilai tebus.
- Tempat kediaman yang diberikan secara percuma.
- Sumbangan dalam tabung pencen yang tidak diluluskan; dan
- Pendapatan diterima sebelum atau selepas pekerjaannya ditamatkan.

Pendapatan Boleh Ditukar Ke Wang Ringgit

Sebarang upah, gaji, hadiah, fi, komisen, bonus, pampasan, sugu hati, cuti bergaji, perkuisit atau elaun (dalam bentuk wang atau tidak) yang diterima dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan adalah di bawah seksyen 13(1)(a), ACP 1967 dikenakan cukai.

Rumusan pendapatan di bawah seksyen 13(1)(a) adalah seperti berikut:

- Gaji, bonus, komisen, gratuiti, insentif saham, perkuisit;
- Liabiliti dibiayai oleh majikan seperti cukai pendapatan individu, bil elektrik, air dan telefon.
- Pemberian hadiah seperti hadiah perkhidmatan cemerlang, baucer, komputer peribadi, barangan yang diberi secara percuma atau diskaun.
- Elaun-elaun seperti elaun pakaian, perjalanan, keraian dan elaun cukai.
- Langganan dibiayai oleh majikan seperti langganan profesional dan kelab rekreasi.
- Fasiliti pinjaman seperti fasiliti kredit kad, faedah pinjaman, pelepasan pinjaman atau pendahuluan.
- Pembayaran pekebun, pemandu, pembantu rumah atau pengawal (yang telah dibayar balik oleh majikan).
- Insuran nyawa dan bayaran pendidikan fi sekolah untuk anak.

Manfaat Yang Tidak Boleh Ditukar ke Wang Ringgit

Manfaat yang dinikmati oleh pekerja dari barangan atau kemudahan (kecuali manfaat yang boleh ditukar ke wang ringgit) yang diberikan oleh majikan kepada pekerjaannya seperti pakaian seragam, telefon bimbit, perabot, tempat kediaman, kenderaan, pekebun, pemandu, orang gaji, pengawal, keahlian korporat dan lain-lain manfaat adalah dikenakan cukai di bawah seksyen 13(1)(b).

Penilaian barangan ini ditaksirkan berdasarkan dua kaedah iaitu nilai formula dan nilai konsesi (berdasarkan jadian manfaat berupa badangan) yang diterbitkan di dalam Ketetapan Umum Bil 2/2004.

Mohd Syazmil, pekerja syarikat Ahmad Afiq Sdn Bhd telah diberikan sebuah kereta Proton Waja bernilai RM70,000 termasuk perbelanjaan petrol. Mohd Syazmil akan dikenakan cukai ke atas manfaat seperti berikut:

Kaedah nilai formula:

$$\begin{aligned} \text{Nilai kereta} &= \text{RM70,000} \times 80\% \\ \text{Purata hayat} &= \frac{8}{8} \\ &= \text{RM7,000} \end{aligned}$$

Jika Mohd Syazmil menggunakan kaedah nilai konsesi, beliau akan ditaksirkan pada nilai RM3,300 (RM2,400 untuk kenderaan dan RM900 untuk petrol)

Bagi manfaat berupa perabot pula, jadual nilai manfaatnya adalah seperti berikut:

Separuh Lengkap I	Separuh Lengkap II	Lengkap Sepenuhnya
Perabot dalam ruang makan, tamu dan bilik tidur.	Seperti I tambah penghawa dingin, permaidani dan langsir	Seperti I dan II tambah alat perkakas danengkapan
RM70 sebulan	RM140 sebulan	RM280 sebulan

Tempat Kediaman Yang Diberikan Secara Percuma

Untuk memudahkan pekerja berulang alik dari rumah dan ke pejabat atau tempat perniagaannya, majikan bukan sahaja boleh memberikan kemudahan kereta, malah tempat kediaman juga menjadi satu alternatif.

Nilai yang akan ditaksirkan ke atas pekerja tersebut adalah berdasarkan seksyen 13(1)(c), ACP 1967 yang membawa dua maksud iaitu:

- Nilai tempat kediaman atau
- 30 peratus daripada jumlah kasar gaji pekerja, yang mana lebih rendah.

Farhana Aman bekerja di Ezza Enterprise Sdn Bhd dan diberi gaji RM5,000 sebulan. Beliau diberi tempat kediaman separuh lengkap (di bawah kategori lengkap I) di Gombak.

Majikan menyewa rumah tersebut dengan kadar RM2,000 sebulan.

Pendapatan penggajian beliau adalah:

- Gaji (RM5,000 x 12)	RM60,000
- Perabot (RM70 x 12)	RM840
- Kediaman	
Nilai taksir (RM2,000 x 12)	
= 24,000	
Atau 30 peratus x RM60,000	
= 18,000	
Yang mana lebih rendah	18,000
Pendapatan kasar	78,840

Sumbangan Dalam Tabung Pencen yang Tidak Diluluskan

Berbalik kepada isu utama di awal artikel ini, adakah pendapatan dividen daripada KWSP dikenakan cukai di tangan penerima?

Seksyen 13(1)(d) menjelaskan bahawa sumbangan yang diberikan oleh majikan bagi pihak pekerjaannya ke dalam tabung atau penerimaan dari sumber tersebut, akan dikenakan cukai apabila pengeluaran dividen, faedah

atau bonus dilakukan dari tabung atau dana tersebut.

Maka jelas bahawa KWSP adalah tabung dana pencen yang diluluskan oleh ACP 1967, oleh itu sebarang dividen yang diberi kepada pencarumnya adalah bebas daripada sebarang cukai.

Pendapatan Diterima Sebelum atau Selepas Pekerjaannya Ditamatkan

Tahun 2009 menyaksikan banyak pekerja yang di-berhentikan atau kontrak perkhidmatan diberhentikan oleh majikan disebabkan kejatuhan ekonomi dunia.

Mereka diberi notis gaji, pampasan, pembayaran untuk melepaskan dari kontrak pekerjaan, ex-gratia, gratuiti dan sebagainya dengan matlamat utama iaitu untuk menamatkan kontrak pekerjaan.

Penerimaan ini adalah dikenakan cukai di bawah seksyen 13(1)(e).

Namun ACP 1967 memberi pelepasan tertentu dari penamatan penggajian tersebut iaitu, jika ia:

- Kehilangan pekerjaan disebabkan oleh masalah kesihatan.
- Pembayaran berdasarkan tempoh khidmat kerja, maka pelepasan diberi sebanyak RM6,000 untuk setahun didarabkan dengan bilangan tahun perkhidmatannya.


Hakim Adnan telah diberhentikan pekerjaan dari Lukman Manufacturing Sdn Bhd selepas tujuh tahun berkhidmat. Beliau diberi wang pampasan sebanyak RM40,000.

Hakim Adnan akan dikenakan cukai atas wang pampasan tersebut iaitu:

Pampasan	RM40,000
(-) Pelepasan (RM6,000 x 7 tahun)	RM35,000
Pendapatan bercukai	RM5,000

Kesimpulan

Bulan Mac ini para majikan dikehendaki oleh LHDN untuk menyediakan Borang EA iaitu penyata saraan daripada pendapatan dalam masa yang sama majikan diwajibkan menghantar borang E iaitu penyata majikan ke LHDN.

Para usahawan yang juga merupakan majikan hendaklah memberitahu pekerjaannya untuk mengisytiharkan pendapatan yang berupa pendapatan dan manfaat bercukai mereka dengan betul bagi mengelakkan kenaikan cukai dan dikenakan penalti apabila audit dijalankan. 

Salihin Abang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia (UIAM). Beliau merupakan ahli kepada beberapa badan profesional yang berkaitan perakaunan dan percukaian seperti Malaysia Institute of Accountant (MIA), Malaysia Institute of Taxation (MIT) dan Malaysia Association of Financial Planning. Kini merupakan rakan kongsi di firma audit Salihin & Associates, firma audit yang beliau tubuhkan pada tahun 2002.